Nama: _____

Mari berbalas pantun

Usaha Menjaga Hutan

Buah rambutan dibilang-bilang,
Pisang toman dijual setandan,
Pencerobohan hutan perlu dihalang,
Jadikan hukuman satu teladan.

Dari Putatan ke Lahad Datu,
Buah kuini saya kirimkan,
Pantau hutan setiap waktu,
Teknologi terkini boleh digunakan.

Ramai peladang mencari rotan,
Di tepi titi di Rantau Abang,
Wujudkan ladang kayu hutan,
Untuk mengganti pokok ditebang.

Pergi menjala Bersama abang,
Nampak ranjau di tepi muara,
Tanam semula pokok ditebang,
Bumi menghijau hutan terpelihara.

Soalan	Jawapan
Ikan haruan di bawah perahu, *Di sungai Pendang di tepi jambatan,* ***Apakah tujuan tolong beritahu,*** ***Diwujudkan ladang kayu hutan?***	
Pokok kuini rimbun daunnya, *Tempat abang menyirat tali,* ***Kami di sini sekadar bertanya,*** ***Mengapakah ditebang ditanam Kembali?***	
Batang rotan dibuat raga, *Diisi sarat buah rambutan,* ***Bagaimanakah hutan hendak dijaga,*** ***Luasnya ibarat sebesar lautan?***	
Kuala Kedah tempatnya indah, *Ramainya pergi mencari lokan,* ***Tegur sudah, nasihat pun sudah.*** ***Apakah lagi boleh kita lakukan?***	

H³ ©/SKSG2021

LIVEWORKSHEETS